

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
HASSAN [PARIT]
TARIKH : 12 JUN 2014
SOALAN :

YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa banyak hospital swasta yang telah memperoleh akreditasi piawaian daripada badan pengiktirafan antarabangsa bagi memastikan standard perkhidmatan hospital terbaik.

Tuan Yang di-Pertua,

Perlaksanaan akreditasi di semua fasiliti kesihatan dan perubatan di Negara ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 2/1999 (720 dlm KKM 87 (P12/300) yang bertarikh 10 Jun 1999 berkenaan *Ministry of Health Policy on Accreditation of Healthcare Facilities and Services* di mana satu pendekatan menyeluruh dalam menjamin kualiti perkhidmatan perubatan di kalangan *Healthcare Providers* amat diperlukan di sektor awam dan swasta. *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* telah ditubuhkan pada tahun 1997 untuk melaksanakan *Malaysian Healthcare Accreditation Programme*. Badan tempatan ini telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2002 untuk melaksanakan program tersebut di

semua fasiliti perubatan dan kesihatan di Negara ini. Ia juga telah diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia pada tahun 2009 dan *International Society for Quality in Health (ISQua)* di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, terdapat juga badan penilai antarabangsa lain yang melaksanakan penilaian akreditasi serta memberikan pensijilan dan pengiktirafan kepada hospital swasta di Malaysia iaitu *Joint Commission International (JCI)* yang berpusat di Amerika Syarikat dan *Australian Council of Hospital Standards (ACHS)* yang berpusat di Australia.

Sehingga 30 April 2014, sebanyak 42 buah hospital swasta telah menjalani penilaian akreditasi untuk Piawaian Hospital *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)* dan sebanyak 33 buah hospital swasta memperolehi pensijilan sah dari badan berkenaan. Untuk merealisasikan industri pelancongan kesihatan di negara kita, sebanyak 7 buah hospital swasta yang telah pun diiktiraf oleh badan tempatan ini turut menjalani penilaian akreditasi dengan badan akreditasi antarabangsa. Sebanyak 6 buah hospital swasta telah diiktiraf oleh JCI dan sebuah lagi oleh pihak ACHS. Oleh kerana pengiktirafan akreditasi ini dilaksanakan atas dasar sukarela, maka kesediaan hospital swasta merupakan aspek penting untuk menggembeling usaha ke arah memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat Malaysia yang berkemampuan

Akreditasi merupakan penanda aras jaminan kualiti penyampaian perkhidmatan perubatan di hospital-hospital di Malaysia setanding di peringkat antarabangsa. Usaha untuk meningkatkan jumlah hospital dengan persijilan sah memerlukan kerjasama dan penglibatan *stakeholders* secara aktif di semua peringkat.